

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2023

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN BENGKEL/MESYUARAT DI HOTEL/RESORT ANJURAN
PUSAT TANGGUNGJAWAB/UNIVERSITI DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan pelaksanaan bengkel/mesyuarat di hotel/resort anjuran Pusat Tanggungjawab/Universiti Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, Kelayakan bagi penganjuran bengkel/mesyuarat di hotel/resort anjuran Pusat Tanggungjawab/Universiti adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2014 iaitu Pindaan Kelayakan Pakej Penginapan Dan Makan Bagi Penganjuran Bengkel/Mesyuarat Di Hotel.
- 2.2 Selain itu, peraturan lain bagi penganjuran bengkel/mesyuarat di hotel/resort luar juga merujuk Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 iaitu Garis Panduan Tambahan Bagi Perbelanjaan Berhemah.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2023 yang bersidang pada 12 Mac 2023 telah meluluskan Penetapan Siling Bagi Pakej Penginapan Dan Makan Untuk Penganjuran Bengkel/ Mesyuarat Di Hotel Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 PELAKSANAAN PENGANJURAN BENGKEL/MESYUARAT DI HOTEL/ RESORT ANJURAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/UNIVERSITI

3.1 Kelayakan Penginapan Di Hotel

3.1.1 Penginapan di hotel bagi bengkel/mesyuarat anjuran PTJ/ Universiti adalah mengikut kelayakan berikut :-

3.1.1.1 Gred 41 dan ke atas - Penginapan secara bilik seorang (*single*).

3.1.1.2 Gred 40 dan kebawah - Penginapan secara bilik berdua (*twin sharing*).

3.1.2 Bagi program berbentuk seminar/kursus anjuran PTJ/ Universiti, semua penginapan adalah secara bilik berdua (*twin sharing*).

3.2 Penetapan Siling

3.2.1 Had siling bagi pakej penginapan dan makan untuk penganjuran bengkel/mesyuarat di hotel ditetapkan pada kadar seperti berikut :

Bil	Gred Jawatan	Jenis Bilik	Kadar (Satu Malam)
1	Gred 41 dan keatas	Bilik seorang (<i>single</i>)	Tidak melebihi RM270 seorang
2	Gred 40 dan kebawah	Bilik berdua (<i>twin sharing</i>)	Tidak melebihi RM200 seorang

3.2.2 Kadar siling RM270 dan RM200 ini adalah termasuk sewaan ruang bengkel/mesyuarat dan keperluan lain seperti wifi dan lain-lain.

3.2.3 Had kelayakan sebenar elaun sewa hotel mengikut gred jawatan adalah tidak digunapakai bagi tujuan penginapan bengkel/mesyuarat yang dianjurkan oleh PTJ walaupun kelayakan sebenar adalah melebihi RM200/RM270.

3.2.4 Had kelayakan ini tidak diguna pakai bagi staf menginap di hotel bagi tugas rasmi atau kursus (anjuran pihak luar). Ianya tertakluk kepada kelayakan elaun sewa hotel mengikut gred masing-masing sebagaimana dinyatakan dalam pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

3.3 Jenis Program

3.3.1 Pindaan had kelayakan hanya dibenarkan untuk aktiviti berbentuk bengkel/mesyuarat anjuran PTJ/Universiti yang diadakan di hotel/resort sahaja.

3.3.2 Bagi program berbentuk kursus/team building anjuran PTJ, semua penginapan adalah secara bilik berdua tanpa mengambilkira gred jawatan.

3.4 Program Yang Tidak Dibenarkan Diadakan Di Hotel/Resort

3.4.1 Kursus/latihan yang berjangka masa lama seperti kursus Induksi perlu diadakan dalam Universiti atau Pusat Minda Emas (PUMAS). Sekiranya ketiadaan tempat, perlu menggunakan premis atau pusat latihan Kerajaan atau kemudahan di agensi kerajaan terdekat seperti INTAN Kluang dan Institut Pertanian Air Hitam.

3.4.2 Kursus/latihan/bengkel/mesyuarat yang diadakan secara harian iaitu dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang perlu diadakan di Universiti dan tidak dibenarkan diadakan di hotel/resort.

3.4.3 Program pelajar seperti motivasi/latihan secara pakej perlu diadakan di Universiti atau kem latihan dan penginapan secara berasrama (*dormitory*).

3.5 Lokasi Dan Pengangkutan

3.5.1 Lokasi bengkel/mesyuarat dan program-program lain anjuran PTJ/Universiti hendaklah tidak melebihi Port Dickson di utara dan Rompin di pantai timur. Keperluan untuk ke lokasi luar dari kawasan yang dinyatakan adalah tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor.

3.5.2 Penganjur atau Urusetia perlu membuat tempahan kenderaan dengan Unit Pengurusan Kenderaan Gunasama, Pejabat Pendaftar. Sekiranya kenderaan disediakan, tambang gantian tidak layak dituntut walaupun staf membawa kenderaan sendiri. Sekiranya kenderaan Universiti tidak disediakan dan staf membawa kenderaan sendiri, staf layak menuntut tambang gantian mengikut kadar yang sedang berkuat kuasa.

3.6 Sebarang tuntutan lain-lain adalah tertakluk kepada pekeliling semasa yang sedang berkuat kuasa.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil 1/2014 adalah dibatalkan.


5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Tel: 7050

- s.k - YBhg. Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- YBhg. Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
- Ketua Unit Audit Dalam